



**PEKELILING BAHAGIAN PENDIDIKAN
JABATAN AGAMA JOHOR
BIL . 1 / 2004**

**PERATURAN
PENGURUSAN PENDIDIKAN
SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR**

**PANDUAN KEMASUKAN MURID
PENGURUSAN DARJAH KHAS, PPI**

DAN

**PERATURAN AM SRAB
NEGERI JOHOR**

ABDUL SALAM BIN ALI
JEMAAH NAZIR
SEKOLAH AGAMA KERAJAAN JOHOR

**BAHAGIAN PENDIDIKAN
JABATAN AGAMA JOHOR**

BAB D

**PANDUAN KEMASUKAN MURID
SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR**

BAB " D "

PANDUAN KEMASUKAN MURID KE SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR

PERKARA	M/SURAT
- Tafsiran	1
- Warganegara	1
- Warganegara Asing	1
- Anak Bukan Warganegara Yang Boleh Dipertimbangkan Untuk Memasuki Sekolah Kerajaan.	1-2 2-4
- Panduan Kemasukan	2
- Tadika Agama Johor (TAJ)	2
- Sekolah Agama Johor	2
- Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)	2-3
- Darjah Khas	3
- Sekolah Menengah Agama	3
- Maahad Johor	3-4
- Maahad Tahfiz Negeri Johor	4
- Marsah	4

PANDUAN KEMASUKAN MURID KE SEKOLAH AGAMA KERAJAAN NEGERI JOHOR

A. TAFSIRAN

1. Warganegara

Anak yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu selepas bulan September 1962 dan pada masa kelahirannya, ibu atau bapanya bertaraf samada seorang Warganegara atau Penduduk Tetap dalam Persekutuan Tanah Melayu.

2. **Warganegara Asing**

- 2.1 Anak yang dilahirkan di Malaysia dan ibubapanya warganegara asing.
- 2.2 Anak yang lahir di luar Malaysia dan bapanya Penduduk Tetap, ibunya warganegara asing.
- 2.3 Anak yang dilahirkan di luar Malaysia dan bapanya penduduk tetap, ibunya Warganegara Persekutuan.
- 2.4 Anak yang lahir di luar Malaysia dan bapanya warganegara asing, ibunya Warganegara Persekutuan.
- 2.5 Anak yang lahir di luar Malaysia dan ibubapanya Penduduk Tetap.

3. **Anak Bukan Warganegara Yang Boleh Dipertimbangkan Untuk Memasuki Sekolah Kerajaan**

- 3.1 Anak kepada salah seorang ibubapanya rakyat Malaysia.
- 3.2 Anak-anak dikalangan diplomat kedutaan asing.
- 3.3 Anak-anak orang asing dalam perkhidmatan kerajaan termasuk mereka yang berkhidmat secara kontrak.
- 3.4 Anak-anak orang asing yang diambil kerja oleh badan-badan berkanun dan pertubuhan-pertubuhan anjuran kerajaan yang lain seperti Universiti Malaya, Tenaga Nasional Berhad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bahk Negara dan lain-lain.
- 3.5 Anak-anak orang asing yang berkhidmat di wilayah-wilayah tempatan dengan syarat mereka itu bermastautin di negeri-negeri Tanah Melayu.

- 3.6 Anak-anak bukan Warganegara yang hendak diterima belajar di sekolah Bantuan Penuh Kerajaan mestilah terlebih dahulu memiliki Pas Pelajar yang dikeluarkan Jabatan Imigresen Malaysia.

B **PANDUAN KEMASUKAN**

1. TADIKA AGAMA JOHOR (TAJ)

1.1 Syarat

- 1.1.1 Warganegara.
- 1.1.2 Berumur 6 tahun.
- 1.1.3 Membuat permohonan masuk dan telah mendaftar.

1.2 Prosedur

- 1.2.1 Mengisi borang kemasukan yang disediakan.
- 1.2.2 Hantar borang kemasukan ke sekolah berkenaan mengikut tarikh yang telah ditetapkan..
- 1.2.3 Mendapat pengesahan/ kelulusan kemasukan dari Guru Besar.

2. SEKOLAH AGAMA JOHOR

2.1 Syarat

- 2.1.1 Warganegara.
- 2.1.2 Berumur 7 tahun.
- 2.1.3 Mohon masuk dan telah mendaftar.

2.2 Prosedur

- 2.2.1 Mengisi borang kemasukan yang disediakan.
- 2.2.2 Hantar borang kemasukan ke sekolah berkenaan mengikut tarikh yang telah ditetapkan..
- 2.2.3 Mendapat pengesahan/ kelulusan kemasukan dari Guru Besar.

3. SEKOLAH RENDAH AGAMA BERSEPADU (SRAB)

3.1 Syarat

- 3.1.1 Warganegara.
- 3.1.2 Berumur 7 tahun.
- 3.1.3 Mohon masuk dan telah mendaftar.

3.2 Prosedur

- 3.2.1 Mengisi borang permohonan yang disediakan.
- 3.2.2 Hantar borang permohonan ke sekolah berkenaan mengikut tarikh yang telah ditetapkan.
- 3.2.3 Berjaya dalam ujian kelayakan yang diadakan oleh sekolah berkenaan
- 3.2.4 Mendapat surat tawaran kemasukan dari Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor

4. DARJAH KHAS

4.1 Syarat

- 4.1.1 Warganegara.
- 4.1.2 Lulus Peperiksaan Darjah 6/ Sijil Rendah Agama.

4.2 Prosedur

- 4.2.1 Mengisi borang permohonan yang disediakan
- 4.2.2 Hantar borang permohonan ke sekolah berkenaan mengikut tarikh yang telah ditetapkan.
- 4.2.3 Mendapat pengesahan/ kelulusan dari Guru Penyelaras Darjah Khas.

5. SEKOLAH MENENGAH AGAMA

5.1 Syarat

- 5.1.1 Warganegara.
- 5.1.2 Lulus peperiksaan Sijil Rendah Agama (SRA) atau Sekolah Agama Darjah 4.
- 5.1.3 Berumur 13 tahun.

5.2 Prosedur

- 5.2.1 Mengisi borang permohonan yang disediakan.
- 5.2.2 Hantar borang permohonan ke Bahagian Pendidikan.
- 5.2.3 Mendapat surat tawaran dari Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor.

6. MAAHAD JOHOR

6.1 Syarat

- 6.1.1 Warganegara.
- 6.1.2 Lulus Peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA).
- 6.1.3 Telah menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.
- 6.1.4 Berumur 18 tahun.

6.2 Prosedur

- 6.2.1 Mengisi borang permohonan yang disediakan.
- 6.2.2 Hantar borang permohonan ke Bahagian Pendidikan.
- 6.2.3 Mendapat surat tawaran daripada Bahagian Pendidikan.

7. MAAHAD TAHFIZ NEGERI JOHOR

7.1 Syarat

- 7.1.1 Warganegara.
- 7.1.2 Lulus SMA dan yang setaraf dengannya.
- 7.1.3 Memiliki sijil tahfiz yang diiktiraf atau Lulus ujian kelayakan.
- 7.1.4 Lulus SPM dengan kepujian B.M, BAT/ BAK, PQS, PSI dan lulus BI.

7.2 Prosedur

- 7.2.1 Mengisi borang permohonan yang disediakan.
- 7.2.2 Hantar borang permohonan ke Maahad Tahfiz Negeri Johor.
- 7.2.3 Berjaya dalam ujian kelayakan yang diadakan oleh MT bagi pemohon yang tidak memiliki sijil tahfiz.
- 7.2.4 Mendapat surat tawaran dari pihak Pengarah MARSAH.

8. MARSAH

8.1 Syarat

- 8.1.1 Lulus STAM dan yang setaraf dengannya dengan sekurang-kurangnya mendapat JAYYID.
- 8.1.2 Lulus SPM dengan kepujian BM, PSI/ PQS dan lulus BI.

8.2 Prosedur

- 8.2.1 Mengisi borang permohonan yang disediakan .
- 8.2.2 Hantar borang permohonan ke MARSAH.
- 8.2.3 Mendapat surat tawaran dari Pengarah MARSAH.

Makluman:

Semua borang kemasukan dan permohonan boleh didapati di:

- 1) Pejabat Pendidikan Agama Negeri.
- 2) Pejabat Pendidikan Agama Daerah.
- 3) Sekolah-sekolah/ Pusat Pengajian berkenaan.